

PENGETAHUAN ETNOBOTANI TUMBUHAN UBATAN WANITA SELEPAS BERSALIN

*(ETHNOBOTANICAL KNOWLEDGE OF MEDICINAL PLANTS FOR
WOMEN AFTER CHILDBIRTH)*

**Razanah Ramya, Rashidi Othman, Nooriszai Ishak
& Farah Ayuni Mohd Hatta**

Abstrak

Di peringkat global, terdapat 35,000 hingga 70,000 spesis tumbuhan digunakan dalam perubatan tradisional manakala statistik menunjukkan sekitar 60-80% penduduk terutamanya di negara miskin masih bergantung kepada tumbuhan sebagai ubatan alternatif. Di Malaysia, pengetahuan tradisional mengenai tumbuhan ubatan semakin hilang termasuklah pengetahuan tradisional perbidanan Melayu yang sering dikaitkan dengan amalan dan tumbuhan ubatan terpilih. Bertangas merupakan rawatan selepas bersalin yang sangat penting bertujuan untuk mengurangkan bengkak rahim, menghilangkan bau tidak menyenangkan, mempercepatkan penyembuhan luka, serta mengetatkan otot lantai pelvis. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis amalan bertangas dan jenis tumbuhan ubatan yang digunakan dalam rawatan selepas bersalin. Kaedah temu bual tidak berstruktur secara bersemuka dengan mendapatkan 16 orang bidan tradisional Melayu dari tiga buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan. Dapatan kajian merekodkan ketiga-tiga lokasi kajian masih mengamalkan amalan bertangas. Terdapat dua jenis kaedah bertangas yang ditemui dalam kajian ini, iaitu tangas kering dan tangas basah. Dari sudut tumbuhan ubatan pula terdapat lapan belas spesis tumbuhan ubatan yang telah digunakan di tiga lokasi kajian antaranya chenderai, mengkudu, rambutan, lemak ketam, serai kayu, leban, serai wangi, tapak Sulaiman, jintan hitam, pandan, halba, limau, melor, senduduk, mawar, kelapa, kunyit dan semalu. Kepelbagaian pemilihan tumbuhan bergantung kepada ekosistem, ilmu pengetahuan tradisional yang diwarisi serta budaya dan kepercayaan setempat. Walau bagaimanapun, kajian lanjut seperti ujian klinikal boleh diketengahkan untuk membuktikan kesahihan penggunaan tumbuhan ubatan sebagai bahan semula jadi dalam farmaseutikal.

Kata kunci: Bertangas, bidan, etnobotani, tumbuhan ubatan, kearifan tempatan, farmaseutikal

Abstract

On a global scale, there are between 35,000 and 70,000 species of plants used in traditional medicine, while statistics show that around 60–80% of the population, especially in poor countries, still rely on plants as alternative medicine. In Malaysia, traditional knowledge about medicinal plants is increasingly being lost, including the conventional Malay midwifery knowledge often associated with selected medicinal plants and practices. Vaginal heat (bertangas) is a crucial postpartum treatment aimed at reducing uterine swelling,

eliminating unpleasant odors, speeding up the healing of wounds, and tightening the pelvic floor muscles. This study aims to identify the types of vaginal heat practices, and the medicinal plants used in postpartum treatment. An unstructured face-to-face interview was conducted with 16 traditional Malay midwives from three states in Peninsular Malaysia: Pahang, Terengganu, and Kelantan. The study findings recorded that all three locations still practice vaginal heat. Two types of vaginal heat methods were identified in this study, namely dry vaginal heat and wet vaginal heat. In terms of medicinal plants, 18 species were found to be used across the three study locations, including chenderai, mengkudu, rambutan, lemak ketam, serai kayu, leban, serai wangi, tapak Sulaiman, jintan hitam, pandan, halba, limau, melor, senduduk, mawar, kelapa, kunyit, and semalu. The variety of plant selections depends on the ecosystem, inherited traditional knowledge, local culture and beliefs. However, further studies, such as clinical trials, could be highlighted to validate the use of medicinal plants as natural ingredients in pharmaceuticals.

Keywords: *Vaginal heat (bertangas), midwife, ethnobotany, medicinal plants, local wisdom, pharmaceutical*

PENGENALAN

Pembangunan dan pemodenan di kawasan luar bandar menjadi salah satu ancaman yang serius terhadap kepelbagaian tumbuhan ubatan secara global. Selain itu, perubahan gaya hidup daripada tradisional kepada moden juga turut memberi ancaman dari sudut pengetahuan tradisional kerana pengamal perubatan tradisional jarang mendokumentasikan maklumat termasuklah penggunaan jenis tumbuhan ubatan dan kaedah rawatan (Mohamad et al. 2022). Secara global, terdapat 35,000 hingga 70,000 spesis tumbuhan digunakan dalam perubatan tradisional. Di negara-negara yang miskin, sekitar 60-80% penduduk masih bergantung kepada tumbuhan sebagai ubatan alternatif kerana mampu milik dan selamat (Amjad et al. 2020). Lonjakan permintaan terhadap pasaran herba akan meningkat nilainya iaitu 216.40 billion USD pada tahun 2023 dan makin berkembang daripada 233.08 billion USD pada tahun 2024 kepada 437 bilion USD pada tahun 2032 (Fortune Business Insight 2024).

Ilmu perbidanan dalam perubatan tradisional Melayu merangkumi penjagaan dan perawatan sebelum mengandung, semasa mengandung, semasa bersalin dan selepas bersalin serta penjagaan bayi. Menurut Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (2017), terdapat lapan amalan utama dalam perbidanan Melayu tradisional termasuklah urutan tradisional Melayu, bertungku, mandi herba, pemakain bengkung, penggunaan param, pemakain pilis, rawatan herba dan bertangas. Tujuan utama amalan berpantang adalah untuk membantu wanita sembuh sepenuhnya selepas bersalin dan mengelakkan isu kesihatan yang berkaitan pada masa hadapan. Rawatan perbidanan tradisional ini termasuk mengambil herba tertentu untuk digunakan bagi tempoh masa yang ditetapkan, serta menggunakan jampi dan doa (Aminah et al. 2017).

Etnobotani dan Etnoperubatan

Etnobotani terdiri daripada perkataan 'etno', yang merupakan kajian tentang manusia, dan 'botani', iaitu kajian tentang tumbuh-tumbuhan (Balick & Cox 2020). Oleh itu, etnobotani dianggap sebagai merangkumi semua kajian yang melibatkan hubungan antara tumbuhan dan masyarakat tempatan (Cotton 1996). Menurut Shaharir (2015), etnobotani Melayu pra-Islam bermaksud botani purba atau lama secara turun-temurun yang terdapat di alam Melayu mengikut pengertian luas. Etnoperubatan merupakan kajian atau perbandingan perubatan tradisional yang diamalkan oleh kumpulan etnik. Pendokumentasian pengetahuan perubatan sesuatu masyarakat dan kajian saintifik mengenai ubat-ubatan serta perkongsian pengetahuan ini merupakan keutamaan dalam penyelidikan etnoperubatan (Shaik et al. 2020). Perubatan tradisional pula merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan amalan berdasarkan teori, kepercayaan dan pengalaman yang berasal daripada budaya yang berbeza, digunakan dalam pemeliharaan kesihatan serta pencegahan, diagnosis, peningkatan atau rawatan penyakit fizikal dan mental (WHO 2000). Hubungan antara etnobotani dan etnoperubatan adalah

mengenai jenis tumbuhan yang digunakan oleh masyarakat tradisional. Etnobotani merupakan pengetahuan umum mengenai penggunaan tumbuhan yang membawa pengertian penggunaan tumbuhan termasuklah dalam makanan, ubatan, perabot, seni bina, racun, pewangi, pewarna semula jadi dan sebagainya. Manakala etnoperubatan memberi pendedahan yang lebih fokus iaitu ilmu perubatan yang mempunyai kaitan dengan masyarakat tradisional termasuklah kaedah penggunaan tumbuhan dalam merawat penyakit. Kedua-dua ilmu pengetahuan ini saling berkait antara satu sama lain kerana disitu terhimpunnya ilmu kearifan tempatan yang dikaitkan dengan sains masyarakat atau etnosains.

Berpantang dan Bertangas

Menurut Laderman (1984), pengamal perubatan tradisional Melayu seperti bomoh dan dukun dikenali sebagai perawat tradisional yang mana kebanyakannya mewarisi ilmu turun-temurun melalui lisan. Berpantang merupakan satu tempoh penting dalam mengembalikan tenaga si ibu dengan disiplin yang konsisten. Antara matlamat utama adalah untuk melancarkan pengaliran darah. Komplikasi teruk akan berlaku sekiranya darah tidak berjalan dengan lancar termasuklah mengakibatkan demam, bengkak, sakit sendi hingga komplikasi pada paru-paru dan jantung (Rahmah 2018). Siti Rohani et al. (2020) mentakrifkan berpantang sebagai penahanan kepada perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seorang ibu bersalin dalam tempoh tertentu dan menjadi amalan tradisional bagi kebanyakan wanita yang bersalin di Malaysia tanpa mengira latar belakang demografi, sosial dan budaya. Ini termasuklah diet pemakanan sewaktu berpantang, terapi urutan semasa berpantang, bertungku, bengkung, mandian herba dan tonik kesihatan. Secara umumnya, wanita Melayu berada dalam keadaan berpantang selama 44 hari dan sebahagian lain memaksimumkan tempoh sehingga kepada 100 hari (Eshah et al. 2017). Barakbah (2007) menyatakan amalan tradisional penjagaan wanita sebelum dan selepas termasuklah melenggang perut dengan menyapu minyak kelapa pada perut, bertungku, berparam, berpilis, bertangas, berbengkung, mengurut, mandi serom, tonik herba dan bersalai. Ramya et al. (2022) dalam kajiannya melaporkan (97%) daripada responden (bidan) masih mengamalkan mandi tradisional, berbengkung (90%), bertungku (84%), mengurut (77%), melenggang perut (74%), berparam (61%), bertangas (58%), berpilis (55%), rawatan herba (39%) dan rawatan keguguran (32%).

Ubat-ubatan tradisional mengandungi pelbagai herba jenis tunggal atau multi herba yang boleh digunakan dalam pelbagai bentuk termasuklah serbuk, kapsul, pil, makjun, minyak, wap, rebusan, pes dan tuam. Tumbuhan-tumbuhan ini juga amat sinonim dengan kesihatan manusia antaranya kesuburan wanita, menopus, keguguran, penjagaan bayi dan kanak-kanak dan sebagainya yang berbeza mengikut sesuatu masyarakat dan tempat (Nur Ilani, Rashidi dan Josephine 2017). Menurut Zaharah (2007), dalam budaya Melayu, bertangas merupakan rawatan selepas bersalin yang sangat penting bagi tujuan mengurangkan bengkak rahim, menghilangkan bau tidak menyenangkan, mempercepatkan penyembuhan luka, serta mengetatkan otot lantai pelvis. Otot lantai pelvis akan menjadi sangat regang dan kendur selepas bersalin. Mengencangkan otot akan meningkatkan tindak balas seksual dan membantu mencegah masalah ginekologi seperti rahim prolaps.

Jenis-jenis amalan bertangas

Terdapat tiga jenis amalan tangas, iaitu tangas kering, tangas berminyak dan tangas basah (Siti Rohani, Nur Afni dan Nor Azimah 2020). Semasa tangas kering, kawasan vagina akan terdedah kepada haba beraroma dimana api kecil atau bara api bersama herba yang dikisar akan diletakkan di bawah sebuah kerusi berlubang. Kemudian, ibu yang baru bersalin akan duduk di atasnya beberapa kali untuk mengecutkan rahimnya. Sementara itu, untuk tangas berminyak, minyak herba dimasukkan ke dalam bekas, diikat dengan beberapa bentuk sumbu, dibakar dan diletakkan di bawah kerusi. Tangas basah juga menggunakan kaedah yang sama dengan teknik dan proses tangas sebelum ini, iaitu duduk di atas kerusi khas yang berlubang, di mana kawasan vagina akan terdedah kepada haba dan wap herba. Spesies tumbuhan dan herba terpilih yang digunakan akan direbus dalam air. Tangas biasanya diamalkan selama tiga hingga tujuh hari berterusan sebelum urutan badan tradisional atau sejurus selepas hari ketiga puluh bersalin. Kebiasaannya, sebelum proses tangas diadakan, ibu perlu meminum segelas air untuk mengelakkan dehidrasi (Barakbah 2007). Mohamad et al. (2022) melaporkan jenis

tumbuhan yang menjadi kebiasaan dalam rawatan wanita berpantang adalah serai wangi (*Cymbopogon nardus*), mengkudu (*Morinda citrifolia*) dan pandan (*Pandanus amaryllifolius*) manakala amalan yang sering dilakukan adalah berbentuk mandian dan ramuan jenis serbuk. Justeru itu, kajian bertujuan untuk mengenalpasti jenis amalan bertangas dan jenis tumbuhan ubatan yang digunakan dalam rawatan selepas bersalin.

METODOLOGI KAJIAN

1. Persampelan dan lokasi kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengumpulkan semua data melalui pemerhatian, menjalankan temu bual separa berstruktur secara bersemuka dengan bidan Melayu tradisional dan pendokumentasian dari tiga buah negeri di Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. 16 orang bidan Melayu sebagai informan utama telah ditemu bual dalam kajian ini iaitu di Kelantan (Bachok, Tumpat, Pasir Mas, Pasir Puteh, Machang dan Gua Musang), Terengganu (Kuala Terengganu, Marang dan Dungun) serta Pahang (Kuantan dan Jerantut). Pemilihan tiga buah negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang adalah berdasarkan budaya dan persekitaran yang hampir sama di ketiga-tiga lokaliti ini. Bagi tujuan ini, para penyelidik telah menggunakan borang soal selidik separa berstruktur bagi mendapatkan maklumat mengenai rawatan bertangas sebagai salah satu amalan penjagaan selepas bersalin yang diamalkan oleh bidan Melayu tradisional (Ramya et al. 2022).

2. Data etnobotani

Data etnobotani telah dikumpulkan seperti yang diterangkan oleh Zaki et al. (2019). Selain mendapatkan maklumat mengenai jenis tumbuhan ubatan yang digunakan oleh bidan Melayu, penyelidik juga telah menghantar spesimen untuk penyemakan silang spesies tumbuhan melalui pelbagai rekod floristik atau data sekunder sama ada daripada sumber internet, Herbarium Unit, Kuliyyah Senibina dan Rekabentuk Persekitaran, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

1. Ritual amalan bertangas dalam rawatan penjagaan wanita selepas bersalin

Analisis kajian bagi amalan bertangas dalam rawatan penjagaan wanita selepas bersalin menjelaskan jenis tangas yang sering digunakan oleh bidan Melayu iaitu tangas jenis basah. Kajian menunjukkan bidan Melayu di ketiga-tiga lokasi kajian masih mengamalkan amalan bertangas termasuklah lapan orang bidan Melayu di Kelantan, tiga orang bidan Melayu di Terengganu dan empat orang bidan Melayu di Pahang daripada keseluruhan kajian. Ritual bertangas diamalkan selama tiga hingga tujuh hari secara berterusan selepas hari ke-30 bersalin atau selepas hari ke-6 selepas haid. Terdapat dua jenis kaedah bertangas yang ditemui dalam kajian ini, iaitu tangas kering dan tangas basah. Dalam rawatan tangas kering, tumbuhan ubatan seperti semalu dilumatkan dan akan dicampur bersama jintan hitam dan kapur digunakan sebagai bahan-bahan utama pada hari ke-31 selepas bersalin iaitu selama tiga hari. Batu sungai yang telah dipanaskan dalam dapur tanah liat, akan digunakan sebagai batu haba. Batu haba dan campuran bahan-bahan tadi seterusnya diletakkan di bawah bangku khas dengan lubang ditengahnya. Ibu yang baru bersalin akan duduk di atas bangku dan seluruh badannya akan dibalut. Kemudian, pada hari ke-34 tempoh berpantang, ramuan akan ditukar kepada kunyit yang dicampur dengan habbatus sauda dan jus limau nipis. Dalam amalan ini, dapur tanah liat digunakan untuk memastikan wap itu kekal. Proses ini akan diamalkan secara berterusan selama seminggu, dan semasa proses itu, ibu yang baru bersalin dinasihatkan supaya melakukan beberapa teknik pernafasan dan senaman rahim.

Bagi rawatan tangas basah pula diamalkan selepas 40 hari berpantang selepas bersalin sehingga 100 hari berpantang untuk menghilangkan bau tidak menyenangkan semasa rawatan bertangas. Antara bahan-bahan yang digunakan ialah bunga mawar, limau purut, bunga melor dan air bunga untuk membantu menghasilkan bau yang menyenangkan dan untuk melembapkan kawasan vagina (alat sulit wanita). Walau bagaimanapun, sebelum ritual bertangas ini dilaksanakan, ibu yang bersalin disarankan untuk minum air kosong bagi mengelakkan dehidrasi semasa ritual ini dilaksanakan.

2. Pengelasan tumbuhan herba dan ubatan dalam amalan bertangas

Analisis terhadap amalan bertangas dalam rawatan penjagaan wanita selepas bersalin menunjukkan terdapat 18 spesis tumbuhan ubatan yang telah digunakan di tiga lokasi kajian iaitu di Kelantan, Terengganu dan Pahang (Jadual 1). Tumbuhan ubatan tersebut dapat dikelaskan kepada beberapa kategori termasuklah pokok, palma, tumbuhan renek, halia, aroid, memanjat, paku pakis, penutup bumi dan herba. Enam jenis tumbuhan ubatan kategori pokok iaitu chenderai, mengkudu, rambutan, lemak ketam, serai kayu dan leban. Lima jenis tumbuhan ubatan kategori herba iaitu serai wangi, tapak Sulaiman, jintan hitam, pandan dan halba. Seterusnya, empat jenis tumbuhan ubatan kategori pokok renek iaitu limau, melor, senduduk dan mawar. Selain daripada itu, hanya satu jenis tumbuhan ubatan bagi kategori palma iaitu kelapa, kategori halia iaitu kunyit dan kategori penutup bumi iaitu semalu (Rajah 1).

Walaupun bagaimanapun, ketiga-tiga lokasi kajian mendapati terdapat perbezaan yang ketara terhadap pemilihan jenis tumbuhan ubatan yang digunakan iaitu 10 jenis tumbuhan ubatan telah digunakan di Kelantan, tujuh jenis tumbuhan ubatan di Terengganu dan hanya tiga jenis tumbuhan ubatan digunakan dalam bertangas di Pahang. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga lokasi kajian menandakan persamaan jenis tumbuhan ubatan iaitu pandan (*Pandanus amaryllifolius*) di Kelantan dan Terengganu dan kelapa (*Cocos nucifera*) di Kelantan dan Pahang.

Jadual 1. Senarai jenis tumbuhan ubatan yang digunakan oleh bidan Melayu semasa ritual amalan bertangas semasa rawatan wanita selepas bersalin di Kelantan, Terengganu dan Pahang

Bilangan	Nama saintifik	Famili	Nama tempatan	Kategori tumbuhan	Lokasi Kajian
1	<i>Grewia paniculata</i>	Tiliaceae	Chenderai	Pokok	Pahang
2	<i>Morinda citrifolia</i>	Rubiaceae	Mengkudu	Pokok	Kelantan
3	<i>Nephelium lappaceum</i>	Sapindaceae	Rambutan	Pokok	Kelantan
4	<i>Parsonsia heliandra</i>	Apocynaceae	Pokok lemak ketam	Pokok	Kelantan
5	<i>Syzygium polyanthum</i>	Myrtaceae	Serai kayu	Pokok	Kelantan
6	<i>Vitex pinnata</i>	Lamiaceae	Pokok leban	Pokok	Pahang
7	<i>Cocos nucifera</i>	Arecaceae	Kelapa	Palma	Kelantan Pahang
8	<i>Citrus aurantifolia</i>	Rutaceae	Limau	Pokok renek	Terengganu
9	<i>Jasminum sambac</i>	Oleaceae	Melor	Pokok renek	Terengganu
10	<i>Melastoma malabathricum</i>	Melastomataceae	Senduduk	Pokok renek	Kelantan
11	<i>Rosa chinensis</i>	Rosaceae	Mawar	Pokok renek	Terengganu
12	<i>Curcuma longa</i>	Zingiberaceae	Kunyit	Halia	Terengganu
13	<i>Cymbopogon nardus</i>	Poaceae	Serai wangi	Herba	Kelantan
14	<i>Elephantopus scaber</i>	Asteraceae	Tapak Sulaiman	Herba	Kelantan
15	<i>Nigella sativa</i>	Ranunculaceae	Jintan hitam	Herba	Terengganu

16	<i>Pandanus amaryllifolius</i>	Pandanaceae	Pandan	Herba	Kelantan Terengganu
17	<i>Trigonella foenum-graecum</i>	Fabaceae	Halba	Herba	Kelantan
18	<i>Mimosa pudica</i>	Fabaceae	Semalu	Penutup bumi	Terengganu

PERBINCANGAN

Siti Khairul Bariyyah (2016) melaporkan perbidanan Melayu selepas bersalin adalah usaha menyeluruh untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan ibu, merangkumi empat komponen utama iaitu amalan, penggunaan herba, penjagaan pemakanan dan penjagaan perilaku. Oleh yang demikian, pendokumentasian rekod tentang perbidanan Melayu ini akan membantu mengekalkan budaya dan identiti Melayu. Selain itu, pengetahuan tradisional ini menjadi satu sempadan antara golongan terdahulu dan generasi muda sekarang kerana keengganan generasi muda untuk mengamalkan pengetahuan tradisional ini (Sharif et al. 2013). Antara sebab yang lain, rawatan tradisional menggunakan herba telah banyak diambil alih oleh sistem perubatan alopati iaitu sistem perubatan yang bergantung pada ubat sintetik yang telah dibangunkan (Aminu & Ruchi 2020).

Perbezaan amalan budaya juga menunjukkan kepelbagaian kearifan tempatan dalam pelbagai aspek termasuklah dalam amalan penjagaan wanita selepas bersalin. Sebagai contoh, di Uttarakhnad, India, 90% ibu bersalin di atas lantai kandang lembu yang ditanda dengan najis lembu dan si ibu perlu berjalan sejauh 2 km untuk mandi selepas bersalin sebelum dia menyentuh bayi. Dari segi penjagaan selepas bersalin, si ibu akan disiramkan dengan air kencing lembu ke atas belakang badan apabila dia datang haid selepas bersalin. Dalam tempoh tersebut, si ibu tidak dibenarkan menggunakan katil biasa dan tidur di atas katil yang berasingan. Kajian juga mendapati bahawa mereka tidak menyusukan bayi selama 3 hari kerana kolostrum dianggap tidak baik untuk bayi (Saxena et al. 2020). Walau bagaimanapun, dalam kajian Saxena et al. tidak menyatakan jenis tumbuhan ubatan yang digunakan dalam proses penjagaan selepas bersalin. Jangkitan rahim selepas bersalin disebabkan oleh kebersihan yang tidak terjaga semasa bersalin. Gejala jangkitan termasuk demam tinggi, kesakitan yang teruk pada rahim dan faraj, serta lelehan faraj yang busuk dan pekat. Bagi mencegah jangkitan selepas bersalin, bidan akan menggunakan mandi wap faraj yang dibuat daripada keseluruhan tumbuhan. Dalam perbidanan tradisional kaum Rama yang tinggal di bahagian timur Nicaragua, Amerika tengah, terdapat 22 jenis tumbuhan ubatan telah digunakan dalam merawat bahagian sulit wanita (vagina) bagi mengelakkan jangkitan kuman (Coe 2008). Hanya satu tumbuhan ubatan iaitu *Cocos nucifera* (kelapa) mempunyai persamaan dengan rawatan penjagaan bertangas dalam kajian semasa. Manakala Ticktin and Dalle (2005) dalam kajiannya menyatakan terdapat lima jenis tumbuhan ubatan iaitu *Guazuma ulmifolia*, *Liquidambar styraciflua*, *Matricaria courrantiana*, *Senna alata* dan *Senna* spp telah digunakan sebagai rawatan untuk membersihkan vagina wanita oleh masyarakat luar bandar di kawasan Honduras. Tumbuhan ubatan tersebut dicampurkan dengan minyak masakan, minyak kacang badam dan minyak sayuran (*castor oil*) sebelum digunakan dalam rawatan.

Amalan dan tujuan yang terdapat dalam kepercayaan budaya Melayu mempunyai perbezaan dari sudut geografi dan budaya di sesebuah tempat. Di Minahasa, Indonesia, amalan bakera atau stim herba merupakan salah satu rawatan dalam penjagaan wanita selepas bersalin. Terdapat 60 jenis spesies tumbuhan ubatan telah direkodkan oleh (Zumsteg & Weckerle 2007), lapan spesies daripadanya berasaskan minyak pati tumbuhan. Terdapat enam spesies yang direkodkan mempunyai persamaan dengan kajian ini iaitu *Citrus aurantiifolia*, *Cocos nucifera* L., *Curcuma longa*, *Cymbopogon nardus*, *Pandanus amaryllifolius* dan *Rosa* sp. digunakan dalam rawatan ini. Hal ini menunjukkan faktor lokaliti dan amalan yang berbeza sememangnya mempengaruhi pemilihan spesies tumbuhan dalam amalan perbidanan Melayu mempengaruhi kearifan tempatan. Selain itu, antara pengaruh pemilihan jenis tumbuhan terhadap interaksi alam sekitar melibatkan jenis tanah, suhu, cahaya, altitud dan jenis hutan. Sebagai contoh, di Kelantan, *Elephantopus scaber* atau tapak leman hanya boleh ditemui di tanah berpasir, di altitud rendah berhampiran dengan hutan pantai dengan suhu panas, manakala di Pahang, *Grewia paniculata* atau chenderai di hutan dipterokarpa di kawasan rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa semua faktor-faktor ini boleh mempengaruhi pemilihan komposisi tumbuhan yang digunakan oleh

sekumpulan bidan dan dapat menjelaskan mengapa pemilihan tumbuhan berbeza untuk setiap lokasi yang berlainan. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian, mekanisme pemilihan jenis tumbuhan untuk setiap proses dalam amalan perbidanan Melayu merupakan penunjuk mengenai jenis persekitaran yang didiami oleh mereka.

Antioksidan semula jadi terutamanya daripada tumbuhan ubatan memainkan peranan penting dalam melawan tindakan radikal bebas. Sebatian fenolik dan flavonoid dengan aktiviti antioksidan dikaitkan dengan pengurangan kejadian penyakit kardiovaskular, kanser, diabetes dan penyakit neurodegeneratif (Phong et al. 2022). Sebagai contoh, *Mimosa pudica* (semalu) berpotensi sebagai biokompatibel (*biocompatible*) suplemen herba kerana mempunyai bahan aktif untuk bertindak sebagai antioksidan melawan radikal bebas (Baharuddin et al. 2021). Kajian oleh Othman et al. (2017) menunjukkan bahawa tumbuhan ubatan seperti *Curcuma longa* (kunyit), *Morinda citrifolia* (mengkudu) dan *Grewia paniculata* (chenderai) mempunyai antioksidan yang tinggi termasuklah jumlah karotenoid, lutein dan β -karoten. Walau bagaimanapun, kajian lanjut seperti ujian klinikal boleh diketengahkan untuk membuktikan kesahihan penggunaan tumbuhan ubatan sebagai bahan semula jadi dalam farmaseutikal.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, amalan perbidanan Melayu yang diwarisi merupakan aspek penting yang perlu didokumentasikan sebagai kearifan tempatan. Pemilihan tumbuhan ubatan dalam amalan bertangas juga dikaitkan dengan unsur alam sekeliling dan ekosistem setempat. Dapatan kajian mendapati ketiga-tiga lokasi kajian masih mengamalkan amalan bertangas. Terdapat dua jenis kaedah bertangas yang ditemui dalam kajian ini, iaitu tangas kering dan tangas basah. 18 jenis spesies tumbuhan ubatan yang telah digunakan di tiga lokasi kajian antaranya chenderai, mengkudu, rambutan, lemak ketam, serai kayu, leban, serai wangi, tapak Sulaiman, jintan hitam, pandan, halba, limau, melor, senduduk, mawar, kelapa, kunyit dan semalu. Pemilihan tumbuhan ubatan adalah berbeza disebabkan kesediaan tumbuhan ubatan dan kebudayaan mengikut lokasi. Namun begitu, kajian yang lebih sistematik diperlukan bagi menunjukkan kepelbagaian tumbuhan ubatan lain serta kajian saintifik dan klinikal sebagai bukti kesahihan dan sokongan kepada penggunaan sumber alam.

RUJUKAN

- Aminah, H.W., Hasbullah, H., Norliza, N. & Hassan, N. 2017. Herbal Medicine Practices and Humoral Balance In Post Partum Health Care For Malay Women: Culture And Medicine Perspective. *Asian Journal of Environment* 1(2): 129–142.
- Aminu, A.S. & Ruchi, S. 2020. Analysis of Herbal & Allopathic Treatment Systems. *European Journal of Molecular & Clinical Medicine* 7(7): 2869–2876.
- Amjad, M.S., Zahoor, U., Bussmann, R.W., Altaf, M., Gardazi, S.M.H. & Abbasi, A.M. 2020. Ethnobotanical survey of the medicinal flora of Harighal, Azad Jammu & Kashmir, Pakistan. *Journal of Ethnobiology and Ethnomedicine* 16(1): 1–28.
- Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. 2017. *Amalan Perubatan Tradisional Melayu Bagi Penjagaan Ibu-Ibu Selepas Bersalin Di Negeri Kelantan*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Baharuddin, N.S., Roslan, M.A.M., Bawzer, M.A.M., Mohamad Azzeme, A., Rahman, Z.A., Khayat, M.E., Rahman, N.A.A. & Sobri, Z.M. 2021. Response surface optimization of extraction conditions and in vitro antioxidant and antidiabetic evaluation of an under-valued medicinal weed, *Mimosa pudica*. *Plants* 10(8).
- Balick, M.J. & Cox, P.A. 2020. *Plants, People, and Culture*. Boca Raton, FL: CRC Press.
- Coe, F.G. 2008. Rama midwifery in eastern Nicaragua. *Journal of Ethnopharmacology* 117(1): 136–157.
- Cotton, C.M. 1996. *Ethnobotany: Principles and Applications*. Singapore: Wiley.
- Eshah, A., Mohamed, H., Aziz, A. & Bidin, H. 2017. Penjagaan kesihatan wanita semasa dalam pantang: Amalan dan kepercayaan (Women's health care during postpartum: The practice and beliefs). *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space* 8(7): 20–31.
- Fortune Business Insight. 2024. Herbal Medicine Market Size, Share & Industry Analysis, By Form (Powder, Liquid & Gel, and Tablets & Capsules), By Application (Pharmaceutical & Nutraceutical, Food & Beverages, and Personal Care & Beauty Products), and Regional

- Forecast, 2024-2032. *Fortune Business Insights Pvt. Ltd.*
<https://www.fortunebusinessinsights.com/herbal-medicine-market-106320> [5 August 2024].
- Laderman, C. 1984. Food ideology and eating behavior: contributions from Malay studies. *Social Science & Medicine* 19(5): 547–559.
- Mohamad, T.A.S.T., Islahudin, F., Jasamai, M. & Jamal, J.A. 2022. Traditional Practitioner's Knowledge of Malay Post-Partum Herbal Remedies in Malaysia. *Archives of Pharmacy Practice* 13(2): 11–16.
- Nur Ilani, A.R., Rashidi, O. & Josephine, T.P. 2017. Ethnobotanical study on plant materials used in Malay traditional post-partum bath (mandi serom) among Malay midwives in Kedah. *Proceedings of the Second International Conference on the Future of ASEAN (ICoFA) 2017-Volume 2*
- Othman, R., Halim, S.F.A.A., Hatta, F.A.M. & Jamaludin, M.A. 2017. Carotenoid content and composition in 20 medicinal plant species of traditional Malay midwifery postnatal bath. *Journal of Pharmacy and Nutrition Sciences* 7(4): 193–197.
- Phong, H.X., Viet, N.T., Quyen, N.T.N., Van Thinh, P., Trung, N.M. & Ngan, T.T.K. 2022. Phytochemical screening, total phenolic, flavonoid contents, and antioxidant activities of four spices commonly used in Vietnamese traditional medicine. *Materials Today: Proceedings* 56: A1–A5. <https://doi.org/10.1016/j.matpr.2021.12.142>.
- Rahmah, A.G. 2018. Mantera dan Amalan Kecantikan Wanita Bajau: Kajian Kes Bajau Kota Belud. Akademi Pengajian melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ramya, R., Kamoon, S., Hatta, F.A.M., Sulaiman, W.S.H.W., Latif, N.H.M., Ishak, N., Jusoh, N.H.M. & Othman, R. 2022. Ethnobotanical Study of Traditional Malay Midwifery practices: prenatal and postnatal care treatment. *International Journal of Chemical and Biochemical Sciences* 21: 167–174.
- Saxena, V., Jelly, P. & Sharma, R. 2020. An exploratory study on traditional practices of families during the perinatal period among traditional birth attendants in Uttarakhand. *Journal of Family Medicine and Primary Care* 9(1): 156–161.
- Shaharir, M.Z. 2015. *Unsur etnosains Malayonesia dalam bahasa Melayu sejak abad ke-5 masihi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaik, M.K., Chunling, L., Kanchit, T. & Henrik, L. 2020. *Medicinal plants: biodiversity, sustainable utilization and conservation*. Singapore: Springer.
- Sharif, M.S.M., Zahari, M.S.M., Nor, N.M. & Muhammad, R. 2013. Factors that Restrict Young Generation to Practice Malay Traditional Festive Foods. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 101: 239–247. <http://dx.doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.07.197>.
- Siti Khairul Bariyyah, A. 2016. Amalan Dan Penggunaan Herba Dalam Perubatan Tradisional Melayu Selepas Bersalin Di Zon Tengah, Semenanjung Malaysia. Tesis Sarjana, Universiti tun Hussein Onn Malaysia.
- Siti Rohani, R., Nur Afni, A.H. & Nor Azimah, M. 2020. Konvensi berpantang dalam bidang perbidanan di Malaysia. Dlm. Ros Mahwati, A. Zakaria., Nor Zalina, H. & Ahmad Bazri, M. (pnyt). *Etnosains warisan budaya alam Melayu*, hlm. 77. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ticktin, T. & Dalle, S.P. 2005. Medicinal plant use in the practice of midwifery in rural Honduras. *Journal of Ethnopharmacology* 96(1–2): 233–248.
- WHO. 2000. General Guidelines for Methodologies on Research and Evaluation of Traditional Medicine World Health Organization. Geneva. http://apps.who.int/iris/bitstream/10665/66783/1/WHO_EDM_TRM_2000.1.pdf (Accessed 09.09.2016).
- Zaki, P.H., Gandaseca, S., Rashidi, N.M. & Ismail, M.H. 2019. Traditional usage of medicinal plants by temiar tribes in the State of Kelantan, Peninsular Malaysia. *Forest and Society* 3(2): 227–234.
- Zumsteg, I.S. & Weckerle, C.S. 2007. Bakera, a herbal steam bath for postnatal care in Minahasa (Indonesia): Documentation of the plants used and assessment of the method. *Journal of Ethnopharmacology* 111(3): 641–65.

Razanah Ramya, (Ph.D)
 Institut Alam dan Tamadun Melayu,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
 Email: razanah.ramya@ukm.edu.my

Rashidi Othman, (Ph.D)
Herbarium Unit,
Department of Landscape Architecture,
Kulliyah of Architecture and
Environmental Design,
International Islamic University Malaysia,
53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: rashidi@iium.edu.my

Nooriszai Ishak,
Herbarium Unit,
Department of Landscape Architecture,
Kulliyah of Architecture and
Environmental Design,
International Islamic University Malaysia,
53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: nooriszai@gmail.com

Farah Ayuni Mohd Hatta, (Ph.D)
Institut Islam hadhari,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia
Email: farahayuni@ukm.edu.my

Received: 21st August 2024

Accepted: 12th September 2024

Published: 30th December 2024